

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** YB TUAN CHONG CHIENG JEN  
[ BANDAR KUCHING ]  
**TARIKH :** 10 JUN 2014  
**SOALAN :**

Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa kemudahan dan peruntukan yang sedia ada di Poliklinik Tanah Putih di Jalan Pending, Kuching, Sarawak begitu berkurangan sehingga terputus bekalan elektrik berpuluhan kali sehari dan pegawai-pegawai perubatan terpaksa menjalankan kerja pembersihan dan pengutipan sampah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Klinik Kesihatan Tanah Putih merupakan sebuah klinik yang dibina pada tahun 1977 dan mempunyai kapasiti 150A, Papan Suis Utama (PSU) tidak mampu untuk membekalkan kuasa kepada semua peralatan dalam satu masa. Ini kerana jumlah beban telah melebihi kapasiti PSU sedia ada. Masalah pendawaian yang sedia ada terlalu lama dan tidak pernah dinaiktaraf serta ditambah dengan peralatan baru dan blok bangunan baru yang siap beroperasi pada 4 Oktober 2013 menyebabkan gangguan elektrik semakin kerap berlaku.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah meluluskan Projek Kerja-kerja menaiktaraf Sistem Elektrikal dan Pendawaian di Klinik Kesihatan Tanah Putih dengan kos siling RM450,000. Proses sebutharga telah dijalankan dan kontraktor telah memulakan kerja pada 9 Mei 2014 dan dijangka siap pada 1 Ogos 2014. Sehingga 26 Mei 2014 prestasi fizikal adalah 10%. Ia melibatkan pembinaan *Substation Sesco*, naiktaraf *mainswitch board*, dan kerja kecil lain.

Berhubung perkhidmatan pembersihan, bermula pada 1 Mei 2014 syarikat pembersihan telah dilantik.

**NO. SOALAN: 158**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 10 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6839**

**SOALAN:**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah PATI yang kini di pusat-pusat penahanan PATI dan kapasiti maksimum pusat-pusat tersebut. Berapakah pembiayaan per kapita sehari di dalam tahanan dan berapa jumlah kos pembiayaan PATI setiap tahun di dalam masa 5 tahun terakhir ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jumlah PATI sehingga 27 Mei 2014 di pusat-pusat penahanan PATI adalah seramai 11,626 orang. Manakala kapasiti maksimum pusat tahanan tersebut adalah untuk seramai 14,470 orang PATI.**

**Kos pembiayaan untuk menampung seorang PATI sehari di kem tahanan adalah sebanyak RM 75.00. Manakala kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi menampung PATI di kem tahanan setiap tahun dari tahun 2011 hingga April 2014 adalah sebanyak RM 55,350,596.57.**